

Iran berminat cadangan Malaysia* guna dinar emas

23 JUL 2002
Oleh ISMAIL DAUD

PUTRAJAYA 22 Julai — Iran berminat dengan cadangan Malaysia untuk menggunakan dinar emas sebagai satu lagi cara mengendalikan perdagangan.

Minat itu dinyatakan oleh Presiden Iran, Mohammad Khatami dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, malah Khatami berharap lebih banyak negara Islam turut melihat kemungkinan untuk menggunakan dinar emas.

“Beliau berkata kita perlu

mengadakan perbincangan lanjut mengenai perkara ini bagi menggalakkan lebih banyak negara menimbang kemungkinan diadakan satu lagi nilai dalam urusan perdagangan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat antara delegasi Malaysia yang diketuai oleh Dr. Mahathir dan delegasi Iran.

Itu diadakan sempena lawatan Khatami selama empat hari ke Malaysia.

Pada mesyuarat itu Khatami mencadangkan pembentukan kesatuan di kalangan negara Islam yang kaya dengan sumber ekonomi dan tenaga manusia supaya dunia Islam dapat memainkan peranan lebih penting dalam hal ehwal dunia.

Syed Hamid berkata, walaupun cadangan itu masih berbentuk idea awal tetapi pemimpin kedua-dua negara merasakan perlunya cadangan tersebut dibincangkan dengan lebih lanjut.

Menurutnya, banyak negara Islam yang kaya dengan sumber ekonomi dan tenaga manusia tetapi masih tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan umat sejagat.

“Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) lebih bersifat pertubuhan persidangan dan dunia Islam tidak mempunyai satu kesatuan yang lebih khusus dalam usaha pembangunan ekonomi,” katanya.

Syed Hamid berkata, kedua-dua negara turut merasakan ke-

satunya itu perlu disegerakan supaya negara-negara Islam boleh mendapat manfaat dengan lebih cepat.

“Itu tidak memerlukan bilangan negara besar pada peringkat awal tetapi ia perlu dimulakan segera. Kemudian, negara lain boleh dipelawa menyertainya,” katanya.

Mengenai rancangan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq, Syed Hamid menjelaskan, Iran dan Malaysia sentiasa menghorormati kedaulatan wilayah Iraq.

Katanya, kedua-dua pemimpin juga sependapat bahawa

■ Lihat muka 4

Iran berminat cadangan Malaysia guna dinar emas

tindakan ketenteraan, keganasan dan sekatan tidak membantu usaha perdamaian.

“Malah, tindakan itu hanya akan menjadikan orang awam sebagai mangsa,” katanya.

Sempena lawatan Khatami dan mesyuarat itu, dua perjanjian dan empat memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani oleh wakil kedua-dua negara.

Antara bidang kerjasama yang dimeterai di bawah

pejanjian dan MoU itu ialah kerjasama perdagangan, mengelakkan cukai dua kali, pelancongan, wanita dan keluarga serta multimedia.

Mengenai usaha meningkatkan imej Islam, beliau berkata, pelbagai usaha telah dilakukan termasuk mengadakan dialog peradaban untuk menjelaskan kepada dunia bahawa Islam, adalah agama perdamaian.

Katanya, kedua-dua pemimpin turut hersestujui supaya OIC dijadikan alat un-

tuk mengembalikan imej Islam yang sebenar.

Semasa mengulas lanjut hasil mesyuarat delegasi itu, Syed Hamid berkata, ia berjaya mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran khususnya dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

“Itu adalah mesyuarat yang sangat produktif dan mencapai matlamat lawatan Khatami,” katanya.